

20 JUN 2002

DR MAHATHIR LANCAR PELAN TINDAKAN KEDAH MAJU 2010

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Pelan Tindakan Kedah Maju 2010, yang bertujuan melonjakkan ekonomi negeri itu dan menjadikannya maju sebelum 2010.

Pelancaran itu, yang juga dihadiri oleh Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, dilakukan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, tempat berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno.

Pelan tindakan itu adalah wawasan Kedah untuk menjadi sebuah negeri maju dengan ekonomi yang mampan dan masyarakat yang progresif sebelum 2010.

Kemajuan yang dihasratkan bukan terhad kepada kemajuan ekonomi dan kebendaan tetapi kemajuan yang seimbang dengan aspek sosial, politik, kebudayaan dan kerohanian.

Fokus pembangunan negeri itu akan ditumpukan kepada industri maklumat dan komunikasi, pelancongan, pertanian, pendidikan, pembangunan sumber manusia, prasarana, pembangunan usahawan dan pembangunan sosial dan kerohanian.

Selepas majlis itu, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri jamuan tengah hari anjuran perwakilan Kedah ke perhimpunan agung itu.

Pada majlis itu, Presiden Umno itu memotong pulut kuning khas yang disediakan oleh perwakilan negeri itu sebagai menghargai jasa beliau dalam menerajui kepimpinan negara.

-- BERNAMA

SR MAM AZZ MOZ